

**Malaysia Mahu Satu Penyelesaian Yang Baik Bagi Rakyat Syria**  
**Bernama**  
**26 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Malaysia pada Khamis meminta masyarakat antarabangsa, kerajaan Syria dan pihak-pihak yang lain supaya bekerjasama mencari penyelesaian terbaik bagi rakyat Syria.

Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) Datuk Hussein Haniff berkata Malaysia terkejut dengan kehilangan banyak nyawa orang awam di Syria.

Dalam satu kenyataan pada debat terbuka Majlis Keselamatan berhubung keadaan di Timur Tengah termasuk persoalan rakyat Palestin di New York semalam, beliau berkata Malaysia meminta semua pihak dalam konflik itu supaya menghentikan kegiatan keganasan dengan segera.

"Keganasan yang kita saksikan sejak beberapa bulan ini menyebabkan ribuan orang awam cedera teruk dan mati walaupun dengan rancangan enam perkara dan kehadiran pemantau PBB," katanya dalam kenyataan yang dihantar kepada Bernama di sini, pada Khamis.

Hussein berkata Malaysia percaya kerajaan Syria dan pembangkang harus melibatkan diri sepenuhnya dengan rancangan enam perkara yang boleh menyumbang kepada keamanan di negara itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683368>



